

18 AUG 1999

MAHATHIR UCAP TAHNIAH KEPADA PERDANA MENTERI BARU RUSIA

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan tahniah kepada Vladimir Putin kerana pelantikannya sebagai Perdana Menteri Rusia yang baru.

Dr Mahathir berharap Russia akan mara ke depan menjadi sebuah negara yang kuat, stabil dan makmur di bawah kepimpinan Putin.

Malaysia amat menghargai hubungan dengan Rusia dan mahu memastikan hubungan ini diperkukuhkan lagi bagi faedah bersama, katanya dalam perutusan kepada Putin yang dikeluarkan Wisma Putra di sini.

"Atas sebab ini saya mengadakan lawatan kerja ke Khabarovsk Krai. Saya juga akan melawat republik Buryatia dan Irkutsk," katanya.

Dr Mahathir menamatkan lawatan tiga harinya ke wilayah Khabarovskii di timur jauh Rusia dan akan melawat Buryatia dan Irkutsk selepas lawatan tiga harinya ke China yang bermula hari ini.

Dr Mahathir berharap lawatannya akan terus meningkatkan hubungan perdagangan dan ekonomi antara Malaysia dan Rusia.

"Saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan penghargaan saya kepada kerajaan dan persekutuan Rusia kerana memudahkan lawatan saya ke Khabarovsk, Buryatia dan Irkutsk," katanya.

-- BERNAMA

AFY RON